

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	28 FEBRUARY 2017

Tun M hanya berpura-pura

um - 28/2/2017

KUALA LUMPUR 27 Feb. - Kehadiran Tun Dr. Mahathir Mohamad di Konvensyen Reformis Malaysia 2017 baru-baru ini hanyalah satu tindakan 'kepura-puraan' bekas Perdana Menteri itu.

Ahli Majlis Tertinggi UMNO, Datuk Dr. Mohd. Puad Zarkashi mendakwa, tindakan tersebut sangat jelas memandangkan Dr. Mahathir menolak demonstrasi jalanan yang disifatkan sebagai bukan budaya negara ini ketika era pentadbiran beliau.

Ketua Pengarah Jabatan Hal Ehwal Khas (Jasa) itu percaya kehadiran Dr. Mahathir ke konvensyen berkenaan merupakan langkah beliau untuk memusnahkan terus karier politik Datuk Seri Anwar Ibarhim yang suatu ketika dulu merupakan timbalan beliau sebelum mengajak rakyat melakukan reformasi menerusi demonstrasi jalanan.

"Satu sebab kata Dr. Mahathir, beliau marah pada Anwar ialah kerana ucapan beliau semasa merasmikan Konvensyen UMNO Johor di Pulau Sibul pada 1998. Dalam ucapan itu, Anwar mengajak rakyat melakukan demonstrasi jalanan terhadap

kepemimpinan negara sebagaimana Presiden Indonesia, Suharto dijatuhkan sebelum terlambat.

"Bahkan dalam ucapannya itu, Anwar mendesak dilakukan reformasi terhadap sistem kewangan negara dan menganggap penubuhan Danaharta oleh Dr. Mahathir merupakan tindakan menghalalkan *bailout* terhadap syarikat perkapalan milik anaknya yang bankrap kerana krisis kewangan antarabangsa ketika itu.

"Bukti liwat kemudian dijadikan senjata untuk memusnahkan Anwar. Justeru, jangan hairan kehadiran Dr. Mahathir di konvensyen kali ini merupakan langkah berpura-pura untuk terus memusnahkan Anwar, kerana beliau amat alergi dengan perkataan 'reformasi,'" katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Beliau mengulas mengenai tindakan Dr. Mahathir menghadiri Konvensyen Reformis



MOHD. PUAD ZARKASHI

2017 di Shah Alam semalam.

Dalam pada itu, Mohd. Puad mempersoalkan tindakan penganjur menjemput Dr. Mahathir ke konvensyen tersebut kerana berdasarkan perkara keenam resolusi itu dengan jelas menyebut beliau bukanlah seorang reformis dan forum tersebut bukanlah

untuk meminta pandangannya mengenai agenda reformasi.

"Kalau begitu apa tujuan mereka menjemput Dr. Mahathir ke konvensyen tersebut. Tetapi Dr. Mahathir hadir dengan muka selamba, selain turut melaungkan slogan reformasi.

"Dr. Mahathir menebalkan muka untuk hadir walaupun pada tahun 1998 beliau digelar sebagai mahazalim," jelas beliau.

Difahami kehadiran Dr. Mahathir ke konvensyen berkenaan menimbulkan sedikit kekecohan dan kecelaruan apabila ada dalam kalangan peserta menjerit 'Mahathir zalim'.